Sa-bagai satu perkara yang patut di-fikirkan ia-lah masalaah pendaratan tentera Indonesia di-Pontian dan penurunan tentera<sup>2</sup> payong terjun-ny di-Labis, sampai sekarang maseh ada orang yang bertanya apa-kah kejadian pendaratan di-Pontian dan penurunan payong<sup>2</sup> terjun di-Labis itu dapat berlaku oleh kerana kelemahan pertahanan negara kita atau oleh kerana kechuaian pehak<sup>2</sup> yang tertentu—pehak kita sendiri atau pehak Inggeris yang memang kita tahu pehak Inggeris itu sampai sekarang ini maseh mempunyai share di-dalam mempertahankan negara dengan ada Perjanjian Pertahanan Bersama antara Malaysia dengan Great Britain. Saya perchaya kalau pertahanan negara kita kuat hal yang demikian itu tidak mungkin berlaku, kechuali di-dalam keadaan perang yang jelas atau dalam keadaan perang yang sa-benar<sup>2</sup> nya. Kita tahu sebab<sup>2</sup> hal ini boleh berlaku ia-lah kerana kelemahan pertahanan, ini-lah yang perlu di-ubat dan di-atasi.

Satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan dalam soal pertahanan ini saperti yang pernah pehak kami di-sini menyatakan di-dalam Rumah yang bertuah ini pada masa yang telah lalu, yang kita bimbangkan dari peristiwa yang berlaku di-tanah ayer kita ini akan berubah menjadi medan pertarongan antara negara<sup>2</sup> besar dalam dunia ini. Sebab kita tahu di-mana sahaja pechah-nya sengkita di-dalam dunia sa-belah sini, sama ada di-Cambodia, sama ada di-Laos, sama ada di-Vietnam, sama ada di-Korea mithal-nya, maka akan timbul-lah—akan munchol-lah negara<sup>2</sup> besar mem-pertarongan perang ideology-nya. Dan kita tahu bahawa negara<sup>2</sup> besar sekarang ini maseh mengintai<sup>2</sup> men-chari satu medan baharu bagi di-perhebatkan lagi perang semangat—perang ideology atau mungkin menjadi perang panas.

Perpindahan tentera<sup>2</sup> British daripada Jerman untuk datang ka-Malaysia kerana memberi pertolongan kepada negara Malaysia dalam bahaya ini akan boleh menimbulkan suatu para-sangka yang sangat payah di-padam.

Apa-kah itu satu langkah awal atau para langkah untuk memindahkan medan perang semangat di-Berlin atau German kepada satu medan perang di-Tenggara Asia ini yang bernama Malaysia, ini-lah yang kita bimbangkan. Kita berkehendakkan pertolongan, tetapi kita tidak mahu dengan pertolongan itu memberikan kesempatan hal yang kita tidak ingin berlaku. Alhamdulillah, sa-lama ini negara kita-lah yang boleh merupakan sa-buah negara yang teraman, negara yang ma'mor, negara yang bahagia di-dunia sa-belah sini. Sédangkan negara<sup>2</sup> jiran kita yang lain, bukan sahaja Indonesia, negeri<sup>1</sup> yang lain menghadapi kerisis demi kerisis, menghadapi berbagai<sup>2</sup> pemberontakan, menghadapi anchaman dan dan sa-bagai-nya. Dan itu suatu gambaran yang mudah kita pandang bagaimana negara<sup>2</sup> besar itu mempergunakan kekuatan senjata-nya, dan kekuatan politik-nya. Peristiwa<sup>2</sup> di-Vietnam baharu<sup>2</sup> ini, mithal-nya dengan peristiwa<sup>2</sup> kejadian di-antara Amerika dan Vietnam, satu gambaran yang sangat mudah di-nampak oleh siapa sahaja yang mempunyai pandangan luas dalam soal politik. Jadi, apa-kah dasar pehak pemerintah untuk menchari satu alasan dan menchari satu alat yang jelas dan nyata yang akan dapat memahami kapada seluroh dunia bebas bahawa perpindahan tentera British dari Jerman itu tidak merupakan perpindahan medan perang antara kuasa<sup>2</sup> besar.

Sekarang ini kita maseh belum dengar, apa-kah tindakan atau reaction daripada negara<sup>2</sup> block timur atau block Kominis atau Russia. Sa-kadar yang kita dengar ia-lah Indonesia minta pertolongan daripada Russia, maka permintaan itu berhasil. Sa-kadar yang kita dengar Malaya meminta pertolongan daripada Amerika dan berhasil, dan nampak-nya ini pun ia-lah tanda<sup>2</sup> yang akan menunjukkan apa yang akan berlaku di-dunia sa-belah sini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini persoalan Malaysia atau pun persoalan anchaman dan pencherobohan daripada Indonesia terhadap negara kita Malaysia ini, telah lama di-kemukakan kapada Majlis Keselamatan Bangsa<sup>2</sup>

Bersatu. Satu langkah yang bijak yang patut di-beri tahniah kapada pehak Kerajaan ini, yang telah membawakan soalan itu dengan gagah dan berani kapada Majlis Keselamatan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-patut-nya hal ini telah lama di-lakukan. Pehak Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan bahawa dengan berlaku kejadian di-Pontian dan di-Labis, Kerajaan sekarang ini mempunyai chukup bukti untuk membentangkan kapada Majlis Keselamatan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu bahawa Indonesia terang<sup>2</sup> mencheroboh Malaysia.

Saya ingin mendapat penjelasan apa-kah beza-nya Pontian dengan Labis dan Tawau di-Sabah, atau pun dengan . . . . apa-kah nama-nya satu kampong itu sudah lupa saya, dalam Division Dua di-negeri Sarawak, apakah beza-nya, sana Indonesia menyerang chara terang<sup>2</sup> masok jauh berpuluh<sup>2</sup> batu ka-dalam, yang di-sini Indonesia telah mendaratkan tentera-nya melalui kapal, dan Indonesia menerjunkan angkatan udara-nya melalui kapal terbang. Dalam segi semangat yang di-namakan semangat mencheroboh, sama sahaja nilai-nya. Dalam segi bakti pun sama sahaja nilai-nya. Apa-kah perlu pehak Kerajaan Malaysia ini menunggu kejadian di-Pontian itu, baharu hendak membawakan kapada Majlis Bangsa<sup>2</sup> Bersatu?

Dahulu Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Rumah yang bertuah ini, kami telah pernah menchadangkan supaya kalau Indonesia itu benar<sup>2</sup> mengancham, atau pun mencheroboh terhadap negara kita ini, maka ka-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu-lah hendak-nya kita mengemukakan masa-alah ini. Tetapi, entah kerana soal ini datang-nya dari kami, maka telah dianggap sepi sahaja. Sa-hingga akhir-nya tatkala Perdana Menteri menghadhiri Sidang Commonwealth di-London, dan sa-sudah berunding dengan Perdana Menteri British, baharu-lah Perdana Menteri mengeluarkan satu kenyataan bahawa Malaysia akan melaporkan sa-genap peristiwa pencherobohan yang di-lakukan oleh Indonesia, kapada Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. Tetapi sa-hingga itu kata kenyataan Perdana Menteri, tidak-lah perlu untuk di-bahathkan, chuma

sa-kadar melaporkan. Baharu-lah sekarang, saya ulang, sa-sudah kejadian yang berlaku di-Pontian dan Labis, sikap melaporkan, berubah kapada sikap mengemukakan dengan tegas kapada Majlis Keselamatan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. Ini satu hal yang kita kesalkan. Saya menguchapkan tahniah tadi, kerana hal itu di-bawa dengan tegas kapada Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, tetapi saya kesal kerana terlalu akhir, kerana sepatut-nya perkara itu di-bawa dahulu lebeh awal, jangan-lah sangat kita memikirkan soal banyak atau sedikit-nya sokongan yang akan datang daripada negara<sup>2</sup> lain. Jangan-lah sangat kita memikirkan untuk menimbangkan kedudukan hal yang berlaku dalam negeri kita ini terlalu banyak bergantung kapada fikiran<sup>2</sup> dari luar. Biarlah kita bertindak dengan tegas dengan kejujuran dan kesungguhan dengan nekat dan tekad yang tegoh daripada peribadi jiwa bangsa kita sendiri.

Timbalan Perdana Menteri baharu<sup>2</sup> ini telah memberikan satu kenyataan, kata-nya kalau Majlis Keselamatan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu tidak dapat berbuat apa<sup>2</sup>, maka Malaysia mempunyai hak yang penoh untuk bertindak. Apa-kah sa-lama ini Malaysia tidak mempunyai hak untuk bertindak? Apa-kah sa-sudah Majlis Keselamatan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu tidak dapat berbuat apa<sup>2</sup>, baharu hak yang penoh itu ada pada Malaysia, ini satu soal. Apa-kah ini merupakan satu amaran bahawa Malaysia telah bersedia untuk menghadapi perang terbuka, atau pun ini hanya merupakan satu chabaran kapada Majlis Keselamatan itu? Terserah-lah kapada pentafsiran masing<sup>2</sup>. Tetapi kalimah yang menyatakan, jika Majlis Keselamatan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu tidak dapat berbuat apa<sup>2</sup>, maka Malaysia mempunyai hak yang penoh untuk bertindak.

Saya rasa kalimah ini sa-olah<sup>2</sup>-nya membayangkan bahawa kita tidak mempunyai hak sekarang ini untuk bertindak. Kita mempunyai hak untuk bertindak sa-kadar apa yang kita kehendaki dengan mengemukakan masalah itu kapada Majlis Keselamatan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, ia-lah oleh kerana kita ingin supaya persoalan itu diselesaikan sa-chara damai. Damai atau perdamaian itu-lah yang menjadi pokok

yang kita kehendaki sa-lama ini, sebab kita tahu bahawa perang ada-lah perang, dan perang erti-nya binasa bukan sahaja pehak yang kalah, tetapi juga pehak yang menang.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada Ka-Bangsa Bersatu, mustahak-lah dari sekarang ini, kita memikirkan satu jurusan lain pula ia-itu kita mengemukakan masalah kita ini kapada bangsa<sup>2</sup> Afro-Asia atau pun Afrika-Asia. Langkah ini sangat-lah mustahak, dengan kerana Indonesia sendiri dan juga kita sendiri ada-lah terlingkong di-dalam keluarga bangsa<sup>2</sup> Afro-Asia. Kalau bangsa<sup>2</sup> Afro-Asia ini dapat benar<sup>2</sup> bersatu dalam memberikan sumbangan perdamaian antara kedua negara bersaudara ini saya perchaya kita akan dapat menemui satu zaman yang gemilang pada masa akan datang. Saya tidak tahu bahawa Indonesia akan bertegang urat leher-nya, walau pun negara<sup>2</sup> Afro-Asia itu akan bertindak memberi sumbangan-nya kapada perdamaian di-dunia sa-belah sini, tetapi walau bagaimana pun kalau hal itu timbul daripada kehendak Malaysia sendiri, maka kita akan dapat menchatit satu sejarah di-dalam sejarah<sup>2</sup> tanah ayer kita yang gemilang itu bahawa kita telah mulai menghulorkan tangan kapada negara<sup>2</sup> Afro-Asia untuk mengambill tahu dan bertanggung-jawab akan sa-genap peristiwa dan kejadian yang berlaku di-negara<sup>2</sup> Afro-Asia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengaleh pandangan saya kapada soal Kawalan Kampong, atau pun Pengerahan Tenaga. Yang ini pun ada hubungan-nya dengan soal pertahanan negara. Seluruh negara kita sekarang ini telah di-lakukan satu langkah yang besar, ya'ani menubuhkan Pasokan<sup>2</sup> Kawalan Kampong. Pada mula-nya maseh merupakan kawalan<sup>2</sup> pantai. Apakala berlaku kejadian pendaratan di-Pontian Pasokan Kawalan Pantai di-tubuhkan, tetapi apabila berlaku kejadian di-Labis, maka Pasokan Kawalan Pantai itu dengan sendiri-nya berubah menjadi Pasokan Kawalan Kampong. Langkah ini, Tuan Yang di-Pertua, satu langkah yang bijaksana dan baik, sebab rasa kesedaran yang timbul daripada ra'ayat untuk mempertahankan negara—itu

lebih memberi kesan daripada meletakkan harapan hanya sa-mata<sup>2</sup> kepada tenaga luar. Ini-lah satu perkara yang sangat penting. Kekuatan alat senjata sa-mata<sup>2</sup> dengan tidak ada kekuatan iman, kekuatan semangat dan rasa kesadaran yang sunggoh<sup>2</sup> daripada ra'ayat yang chinta dan kaseh kepada negara ini dan rela berkorban untuk mempertahankan negara kita ini, maka itu tidak akan berhasil nampak-nya, melainkan apakala rasa rela berkorban—semangat berjuang serta iman yang tegoh di-dalam perjuangan, di-champur dengan alat<sup>2</sup> senjata yang lengkap; ini-lah sahaja yang dapat menjamin keselamatan negeri kita ini. Supaya tidak menimbulkan hal<sup>2</sup> yang telah berlaku pada masa<sup>2</sup> yang lalu yang pernah saya bangkitkan dalam Rumah yang mulia ini, maka perlu-lah pehak Kerajaan itu memberikan satu arahan di-dalam melaksanakan tugas memilih anggota<sup>2</sup> Pasokan Kawalan Kampong ini, atau Vigilante Corps supaya melupakan soal parti politik, melupakan soal kepentingan parti politik.

Saya bimbang, kalau hal ini maseh berlaku terus-menerus, saperti berlaku-nya dalam soal pemilihan Tentera<sup>2</sup> Tempatan, atau Tentera<sup>2</sup> Wataniah. Saya dapat memberikan chontoh-nya bagaimana beberapa orang daripada Pasokan Tentera Wataniah yang sa-chara kebetulan terdiri daripada orang<sup>2</sup> yang bukan daripada Parti Perikatan; apakala sudah bekerja, sudah mendapat latehan, kemudian akhir-nya di-ketahui oleh ketua-nya yang dia ini bukan daripada ahli parti Kerajaan, tetapi ahli daripada parti lain, maka dengan sendiri-nya dia itu di-pechat daripada Tentera Wataniah. Saya dapat memberikan bukti-nya yang jelas di-atas hal ini dan dapat menunjokkan siapa<sup>2</sup> orang yang telah menemui nasib yang saperti ini. Ini-lah yang sangat menyedehkan. Apa-kah perlu-nya perasaan berparti itu di-hidupkan di-dalam sa'at<sup>2</sup> negara kita ini menempoh keadaan dharurat dan keadaan bahaya yang sa-demikian rupa? Tidak bolehkah perasaan berparti itu di-ketepikan buat sementara waktu, sa-hingga keadaan negara kita ini mengizinkan perasaan berparti itu di-hidupkan, ber-

chambah dan bertumbuh dalam masharakat kita. Ini-lah satu hal yang patut benar pehak Kerajaan ini mengawasi-nya. Saya tidak perchaya ketua<sup>2</sup> yang melakukan tindakan saperti itu mendapat arahan daripada Kementerian yang tertentu—tidak saya perchaya dan tidak lagi saya hendak menudoh, tidak—tetapi kalau tidak di-beri arahan supaya mereka itu melakukan sa-chara adil, jangan memilih parti, neschaya hal ini boleh berlaku dengan berluas<sup>2</sup> dan boleh berlaku dengan sewenang<sup>2</sup>-nya.

Yang kedua, dalam soal discipline, bukan sahaja latehan menembak, tetapi juga latehan discipline ini pun perlu. Banyak hal<sup>2</sup> yang berlaku baharu<sup>2</sup> ini, heboh konon-nya ada tentera Indonesia mendarat di-Pasir Puteh, kawasan pilehan raya saya sendiri, sa-hingga heboh konon-nya—sa-orang tua telah menemui tentera Indonesia itu, sa-hingga dua hari kemudian oleh kerana heboh-nya dan sa-sudah di-lakukan suatu penyiasatan oleh pehak Pasokan Keselamatan, terpaksa-lah Radio Malaysia menyiarkan satu berita yang menapikan hal itu.

Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua? Petang itu Tentera<sup>2</sup> Wataniah berlately, malang-nya sa-tengah daripada-nya tidak pulang ka-rumah, sebab jauh, atau leteh, maka bermalam-lah mereka entah di-rumah siapa. Pukul lima pagi dia turun daripada rumah itu, waktu dia lalu di-chelah<sup>2</sup> kampung bertemu dengan orang tua yang turun kerana menunaikan kadza hajat. Ditanya oleh orang tua itu, dia jawab dengan bahasa Indonesia—menggunakan kalimah Indonesia sa-olah<sup>2</sup> menakutkan orang tua itu. Orang tua itu lantas meraong, dan akhir-nya melapor-kan kepada polis, maka heboh konon-nya yang tentera Indonesia ada di-sana. Yang sa-benar-nya ia-lah Tentera Wataniah yang kebetulan terkena kepada orang yang tidak mempunyai discipline. Demikian pula yang berlaku dua hari yang lalu di-Bulut Susu di-Jajahan Pasir Mas, Tuan Yang di-Pertua—Tentera Wataniah dengan memakai uniform-nya masuk ka-kampung yang kebetulan orang tengah heboh pada malam itu; ada sa-buah kapal terbang terbang rendah dan tidak

berlampu, maka di-hebohkan orang konon-nya tentera payong terjun sudah turun di-Jajahan Pasir Mas. Bertemulah dengan dua orang yang berpakaian hijau pukul dua malam. Kebetulan tuan rumah mendengar bunyi angsa terlalu bising, maka heboh-lah orang mengatakan yang tentera Indonesia—tentera payong terjun Indonesia—sudah masuk ka-kampung. Bila di-siasat kemudian, rupa-nya Tentera Wataniah datang menchuri angsa—tidak semuanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam beribu<sup>2</sup> hanya sa-orang dua yang menerbitkan kejadian yang seperti itu, tetapi itu-lah satu perkara yang patut di-jaga nama baik discipline dan sebagainya-nya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal Kawalan Kampung ini kami di-negeri Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah, dapat-lah saya nyatakan dengan tegas bahawa dalam soal menubuhkan Pasokan Kawalan Kampung ini dapat di-lakukan dengan chara yang lichin dan chara yang terator. Telah di-arahkan supaya dalam memilih anggota<sup>2</sup> Pasokan Kawalan Kampung ini jangan-lah di-pilih daripada satu parti sahaja, jangan oleh kerana kebetulan yang menjadi Penghulu itu orang yang chenderong kepada Parti PAS maka semua anggota Kawalan Kampung di-ambil daripada Parti PAS, maka sa-buah kampung lagi oleh kerana Penghulu-nya chenderong kepada Parti Perikatan di-pilih daripada anggota<sup>2</sup> Parti Perikatan. Maka sudah saya mengkaji dan menyiasat keadaan itu di-negeri Kelantan saya dapati dari jumlah lebih kurang 72,000 anggota Pasokan Kawalan Kampung yang telah di-beri tauliah sekarang ini boleh-lah saya katakan terdiri dari hampir sama banyak dari anggota PAS atau pun anggota Perikatan atau pun orang yang tidak berparti, sa-hingga dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, perasaan berparti itu dapat di-lenyapkan dan dapat di-ketepikan dan mereka telah menunjukkan kesungguhan kerjasama atas nama ra'ayat yang chintakan kepada keamanan dan sayangkan kemerdekaan tanah ayer kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa mula<sup>2</sup> di-perintah menubuhkan Pasokan Kawalan Pantai, di-negeri Kelantan

telah di-tubuhkan Pasokan Kawalan Pantai sa-ramai 8,000 orang, tetapi sudah berlaku-nya kejadian di-Labis dan sa-sudah mendapat arahan daripada pehak Kementerian, maka sekarang ini jumlah anggota itu telah meningkat kepada lebih kurang 72,000 orang, sedangkan orang yang memohon untuk menjadi Pasokan Kawalan Kampung, tua dan muda, laki<sup>2</sup> dan perempuan, berjumlah hampir<sup>2</sup>  $\frac{1}{4}$  juta orang, hampir sa-paroh daripada penduduk negeri Kelantan itu. Bukan-lah saya cheritakan ini untuk bermegah dengan jumlah yang ramai daripada Pasokan Kawalan Kampung di-negeri Kelantan itu—tidak sama sa-kali, tetapi saya nyatakan ini ia-lah untuk memberi satu pernyataan bahawa pehak Parti PAS ada-lah sungoh<sup>2</sup> dan benar<sup>2</sup> bersama dengan seluruh ra'ayat dalam negeri ini untuk menjaga dan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan tanah ayer kita ini daripada sa-barang anchaman luar dan dalam.

Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini fitnah<sup>2</sup> satu perkara yang harus di-kawal dengan rapi.

Dua hari yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, pehak pegawai tinggi kerajaan negeri Kelantan menerima panggilan talipon daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri menanyakan kenapa negeri Kelantan tidak buat apa<sup>2</sup> lagi dalam soal menubuhkan Pasokan Kawalan Kampung? Maka bertanya-lah pegawai tinggi negeri Kelantan itu siapa yang melaporkan? Maka dia pun cheritakan: di-hadapan saya ini ada sa-orang bernama—saya tidak mahu sebutkan nama-nya—si-anu bin si-anu, ia-itu-lah salah sa-orang daripada Ketua UMNO Bahagian di-negeri Kelantan, mencheritakan kepada pegawai tinggi Kementerian, bukan kepada Menteri, minta ma'af, kepada pegawai tinggi Kementerian bahawa negeri Kelantan tidak berbuat apa<sup>2</sup>. Maka langsung di-terangkan oleh pegawai tinggi negeri Kelantan tadi kita telah berbuat, bukan tidak berbuat apa<sup>2</sup>. Kenapa-kah satu kenyataan daripada orang itu chukup untuk meragu<sup>2</sup>-kan kita, sa-hingga akhir-nya 5 minit kemudian sahabat saya Ketua UMNO Bahagian yang tertentu itu menalipon sa-mula kepada Setia-usaha Kerajaan

negeri Kelantan meminta ma'af, sebab sa-benar-nya dia tidak tahu apa yang telah berlaku di-negeri Kelantan selama ini. Ini satu fitnah. Ini-lah rupanya kalau tidak di-adakan penyiasatan. Mithal kalau takdir datang sa-orang berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri menceritakan hal<sup>2</sup> sa-demikian, kalau kebetulan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu menaruh kepercayaan sapa-neh-nya kepada orang yang melaporkan, apa jadi? Timbul-lah perasaan shak wasangka dan perasaan tidak perchaya-memperchayai antara kita sama kita, sedangkan hal itu sangat<sup>2</sup> tidak dikehendaki di-waktu negara kita sedang menghadapi bahaya ini.

Baik-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada soal Kawalan Kampong. Soal senjata dan soal alat<sup>2</sup> bagi tiap<sup>2</sup> anggota Kawalan Kampong. Bekerja siang dan malam dengan jam<sup>2</sup> yang tertentu untuk mengawal atau menjaga kok<sup>2</sup> ada sa-barang pendaratan baik dari laut atau dari udara atau dari sempadan ada-lah satu tugas yang terlalu berat dengan tidak mempunyai senjata dan dengan tidak mempunyai alat hatta lampu suloh atau pun baju hujan di-waktu hujan, maka itu erti-nya terlalu sangat-lah kita ini tidak mengambil berat. Dan saya tahu pehak Kementerian, terutama-nya Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri ada mempunyai persediaan bagi mengatasi soal<sup>2</sup> ini, sebab estimates sedang di-minta kepada tiap<sup>2</sup> Negeri supaya menentukan berapa jumlah barang yang dikehendaki dan berapa harga-nya. Itu Alhamdulillah-lah akan dapat perhatian hendak-nya dan akan dapat pengawal<sup>2</sup> kampong itu alat<sup>2</sup> yang sa-mesti-nya.

Tetapi soal senjata—senjata bagi orang kampong yang sa-lama ini ada bagi mengawal harta-benda-nya dan rumah-tangga-nya ia-lah senapang ya'ani senapang kampong, senapang patah. Apa yang berlaku dalam sabulan dua baharu<sup>2</sup> ini hampir  $\frac{3}{4}$  daripada pemegang<sup>2</sup> senjata yang berlesen dari negeri Kelantan telah di-rampas senjata-nya. Bila saya berjumpa dengan Menteri<sup>2</sup> Besar negeri lain, rupa-nya bukan sahaja di-negeri

Kelantan di-negeri<sup>2</sup> lain pun di-rampas dan tidak di-sambong atau di-perpajakan lesen memegang senjata api itu. Di-sa'at negara saperti ini hal ini sangat mengkechiwakan. Saya mintalah dengan jasa baik pehak Yang Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan jasa baik mereka berdua ini dapat-lah senjata<sup>2</sup> api itu di-pulangkan kembali kepada tuan yang empunya, kechuali dengan terang<sup>2</sup> kita dapati orang itu merbahaya kepada negara, jika itu saya pun tidak suka senjata itu di-pulangkan kepada mereka itu. Di-pulangkan-lah senjata itu kepada orang<sup>2</sup> yang benar berhak atau tuan yang empunya dan kita perchaya dia itu tidak merbahaya kepada negara, dengan di-beri suatu sharat bahawa dia mesti-lah menggabungkan diri-nya ka-dalam Pasokan Kawalan Kampong dan mesti berkhidmat dengan menggunakan senjata yang di-berikan itu. Saya perchaya dengan chara saperti demikian dapat dua faedah. Sa-lain daripada faedah yang pertama orang itu merasa senang hati dengan hak milek-nya dapat kembali dan mengawal harta milek-nya dan faedah yang kedua Pasokan Kawalan Kampong kita akan memiliki senjata, sa-kurang<sup>2</sup>-nya satu pasokan satu atau dua. Ini satu.

Yang kedua patut-lah pehak Kementerian mengadakan senjata<sup>2</sup> tambahan yang di-beri kepada Pasokan Pengawal Kampong dengan chara bergeler<sup>2</sup> mengikut tugas mereka itu berjaga. Tiap<sup>2</sup> pengawal kampong di-beri lesen untuk memegang senjata api, kalau perlu kepada lesen mengikut peratoran biasa, kechuali kalau dengan Undang<sup>2</sup> Dharurat tidak perlukan lesen, itu pun lagi baik. Maka senjata api di-beri kepada satu Pasokan Kawalan sa-kurang<sup>2</sup>-nya 4 atau 5, mereka bergeler<sup>2</sup> memerhatikan senjata api mengikut gelaran mereka berjaga. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, tidak mustahil bahawa mereka itu akan menghadapi bahaya<sup>2</sup>. Kalau benar<sup>2</sup>-lah tentera pencherobohan dari Indonesia itu mendarat sama ada dari udara, dari laut atau dari sempadan, mereka tidak mendarat dengan tangan yang kosong,

mereka mesti mendarat dengan alat senjata yang serba moden. Bagaimana kita menghadapi-nya? Betul ada orang berkata bahawa takan-lah kita hendak suroh Pasokan Kawalan Kampung itu melawan. Apa yang kita kehendaki mereka itu apakala melihat hal itu melaporkan kepada Pasokan Keselamatan. Itu betul. Tetapi sementara hendak melaporkan kalau ter-tembong dan kalau tempat Pasokan Keselamatan itu jauh, sebab tidak semua kampung ada pos atau pun pusat keselamatan. Ini satu perkara yang mustahak, daripada mati bodoh elok-lah mati berlawan, ada nilai dan ada harga-nya dalam perjuangan mempertahankan tanah ayer.

Kalau mati dengan tidak bersenjata itu terok sangat. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, patut-lah Kerajaan mengadakan suatu undang<sup>2</sup> berkenaan dengan Pasokan Kawalan Kampung ini, chara pentadbiran-nya kalau tidak ada undang<sup>2</sup> pun tetapi apa sahaja-lah supaya mempunyai per-atoran meliputi chara kawalan atau sa-bagai-nya. Dan satu perkara yang mustahak ia-lah jaminan, jaminan terhadap orang<sup>2</sup> ini. Dengan ada-nya jaminan itu dua faedah mereka akan dapat. Yang pertama kesungguhan orang itu bergerak, yang kedua keadilan masyarakat itu dapat di-berikan kepada-nya. Kalau mereka itu chedera bila kena atau berlaku sa-suatu kejadian, apa-kah mereka itu akan di-beri layanan atau bagaimana layanan yang akan di-berikan—ka-Hospital mereka di-bawa, dan bagaimana layanan kalau mereka itu mati, bagaimana pula hal-nya; betul-lah mati dalam perjuangan kerana mem-pertahankan tanah ayer, mati yang mulia tetapi walau pun mulia nama-nya anak<sup>2</sup>-nya yang tinggal itu perlu-kan kepada bantuan, ini yang perlu mendapat timbangan dari pihak kita. Kita boleh menyeru semangat ra'ayat supaya berjuang tetapi sa-suatu mesti kita hulorkan kepada ra'ayat di-sam-ping semangat yang di-tunjokkan oleh ra'ayat dan tenaga suka-rela yang di-berikan oleh ra'ayat. Mereka tidak berkehendakkan gaji—mereka tidak berkehendakkan upah, mereka ber-kehendakkan senjata, mereka berke-

hendakkan layanan, mereka berke-hendakkan jaminan, ini-lah sahaja yang mereka kehendaki dalam kerja<sup>2</sup> mengawal kampung<sup>2</sup>-nya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tunku Perdana Menteri kita telah menyebutkan hal<sup>2</sup> yang berlaku di-Singapura baharu<sup>2</sup> ini maka saya pun ikut-lah menchampori soal<sup>2</sup> itu. Saya tidak hendak champor masaalah Singapura itu sa-bagai satu masaalah yang keseluruhan-nya tetapi saya champorkan masaalah Singapura itu sa-bagai satu masaalah yang tersen-diri. Saya ikut bersedeh-lah atas keja-dian itu dan memang-lah sa-pendapat antara saya dengan pihak Perdana Menteri, bahawa sa-barang keka-chauan yang berlaku di-sa'at saperti ini kalau tidak pun sa-chara langsung, sa-chara tidak langsung, boleh meng-kaitkan dengan hal<sup>2</sup> politik yang ber-laku sekarang. Akan tetapi walau bagaimana pun saya terkenang pada satu masa dahulu kenyataan Yang Berhormat Menteri Muda Perda-gangan dan Perusahaan waktu beliau bergiat baharu<sup>2</sup> ini dalam soal penyertaan orang<sup>2</sup> Melayu di-lapangan ekonomi, beliau telah memberikan satu pandangan yang chukup menarek perhatian saya sendiri. Sa-lain dari-pada menarek, dapat saya mengatakan chukup menawan hati saya sendiri, ia-itu sa-barang kejadian boleh jadi; kenyataan ini di-keluarkan sa-sudah berlaku-nya kejadian di-Singapura yang pertama; sa-barang kejadian boleh jadi sa-kira-nya perseimbangan ekonomi masyarakat dan kehidupan ra'ayat tidak di-perbetulkan; demikian-lah lebeh kurang ayat-nya tetapi kalimah<sup>2</sup> itu saya tidak dapat meng-ambil sa-biji<sup>2</sup>-nya tetapi itu-lah maksud-nya. Saya akui benar dan patut-lah pihak Cabinet pun meng-akui benar. Sa-barang peristiwa boleh jadi kalau perseimbangan ekonomi masyarakat dan kehidupan ra'ayat tidak di-perbetulkan. Bukan saya hendak mengatakan bahawa kejadian yang berlaku di-Singapura itu membangkitkan soal perseim-bangan ekonomi, sa-barang hal boleh membangkitkan hal<sup>2</sup> demikian, kalau tidak-lah kejadian Singapura itu ber-laku di-sa'at negara kita sedang

menghadapi konfrantasi, kalau tidak-lah kejadian Singapura itu berlaku di-sa'at negara kita di-cherobohi oleh negara asing, saya perchaya pernyataan Menteri Muda itu akan bertambah jelas gambaran-nya tetapi apa boleh buat dia berlaku di-sa'at konfrantasi. Suasana konfrantasi, bangunan konfrantasi, rupa konfrantasi itu menguasai segala<sup>2</sup>-nya.

Tetapi walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, patut-lah pehak Kementerian ini, saya tidak hendak minta kenyataan tetapi saya hendak minta tindakan dan perlaksanaan. Jaminan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri waktu lawatan-nya ka-Singapura baharu<sup>2</sup> ini ada-lah satu jaminan yang baik yang kalau disusul dengan pelaksanaan yang baik, maka dia akan dapat sedikit sa-banyak memberi ubat yang mujarrab bagi mengatasi sa-barang hal kekacauan<sup>2</sup> yang mungkin akan berlaku pada masa<sup>2</sup> yang akan datang. Chuma apa yang saya dukachitakan ia-lah kenyataan Perdana Menteri mengkaitkan beberapa orang dari kalangan PAS yang di-katakan terlibat dalam peristiwa kejadian di-Singapura itu. Saya tidak tahu hal di-Singapura, akan tetapi jangan-lah hendak-nya kalau terdapat satu dua orang dari kalangan partai PAS atau partai apa sahaja, mengkaitkan diri partai itu sendiri dengan gerakan—tindakan activity tiap<sup>2</sup> sa-orang atau personal activity. Boleh jadi mungkin ada dari kalangan PAS, mungkin ada dari kalangan Party Ra'ayat, mungkin ada di-kalangan PMS, mungkin ada di-kalangan UMNO yang melakukan activity persendirian dalam hal<sup>2</sup> yang berlaku di-Singapura itu tetapi tidak-lah boleh melibatkan partai politik di-mana orang itu menjadi anggotanya, tidak boleh melibatkan parti PAS mithal-nya di-dalam kejadian Singapura itu. Ini harus-lah di-ma'alumi dan di-fahami, parti PAS sendiri ikuti bersedeh dengan kejadian itu dan kita bersama<sup>2</sup> berdiri dengan pemerintah supaya hal kejadian perpechahan perkauman tidak lagi berlaku.

Sa-bagai mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah kira-nya kita ini

hendak menonjol<sup>2</sup>kan perasaan dendam kesumat dan perasaan membalas sakit hati mithal-nya hendak di-hidupkan, perasaan perkauman itu di-negeri Kelantan-lah tempat-nya atau tanah-nya yang subur sa-kali boleh memecahkan keadaan sa-bagai communal disturbance itu. Kalau di-Singapura orang Melayu kurang orang bangsa lain banyak, berlaku perkelahian, orang Melayu habis, itu-lah diayah yang timbul, di-Kelantan orang bangsa lain kurang, orang Melayu banyak, kalau sa-titek ayer sahaja benih itu boleh timbul dengan subur sebab tanah-nya terlalu subur.

**Mr Speaker:** Berapa minit lagi?

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Ada dua minit lagi. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana PAS yang merasa diri-nya benar<sup>2</sup> bertanggung-jawab bagi mengelakkan sa-barang kejadian yang tidak di-ingini ini, maka saya boleh-lah memberi pengakuan kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta Menteri<sup>2</sup> lain semua-nya, bahawa di-negeri Kelantan dapat di-kawal dan di-jaga-nya. Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, bersama<sup>2</sup> dengan pehak Pegawai Polis mengambil tindakan kilat, terpaksa bergerak dari sa-sa'at ka-sesa'at apakala dapat sahaja ada bunyi khabar angin yang boleh memecahkan sa-suatu keadaan, yang memecahkan perhubungan antara kaum, maka terpaksa di-ambil tindakan. Ini pun chukup menjadi bukti, Tuan Yang di-Pertua, bahawa PAS sendiri tidak ingin kejadian seperti ini berlaku, sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, jangan-lah di-kaitkan kalau ada orang PAS mungkin telah di-tangkap kerana di-shaki ada mempunyai pertalian dengan kejadian kekacauan di-Singapura itu, jangan di-kaitkan dengan parti PAS. Kita, parti PAS mempunyai pendirian sendiri tetapi kalau ada satu dua orang PAS yang bertindak mengikut kehendak hati-nya—melakukan tindakan dengan kehendak sendiri dengan tidak arahan dari parti, maka itu di-luar tanggung-jawab parti. Demikian-lah, barangkali pehak Perikatan pun demikian juga. Ta'kan-lah Perikatan hendak menyanggup kira-nya ada

ahli-nya melakukan di-luar kehendak dasar parti-nya sendiri. Jadi, pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, PAS memberi-lah sokongan sa-penohnya kapada pengishtiharan dharurat di-negeri ini (*Tepok*).

**Mr Speaker:** Meshuarat ini ditanggohkan sa-hingga 4.30 petang ini.

*Sitting suspended at 1.00 p.m.*

*Sitting resumed at 4.30 p.m.*

(Mr Speaker in the Chair)

### EXEMPTED BUSINESS (Motion)

**The Minister of Local Government and Housing (Enche' Khaw Kai-Boh):** Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That, notwithstanding the provisions of Standing Order 12, the House shall not adjourn today until consideration of all Government business set out on the Order Paper has been completed.

**The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan):** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That, notwithstanding the provisions of Standing Order 12, the House shall not adjourn today until consideration of all Government business set out on the Order Paper has been completed.

### ADJOURNMENT *SINE DIE* (Motion)

**Enche' Khaw Kai-Boh:** Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That, at its rising this day the House shall stand adjourned *sine die*.

**Dato' V. T. Sambanthan:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That, at its rising this day the House shall stand adjourned *sine die*.

### PERISHTIHARAN DHARURAT— (PROCLAMATION OF EMERGENCY)

Command Paper No. 25 of 1964

*Debate resumed.*

**Dato' Donald Stephens (Sabah):** Mr Speaker, Sir, I rise to give full support to the Proclamation of Emergency.

Sir, we have been patient. We have allowed our cheeks to be slapped by the enemy and, instead of seeing a penitent enemy, we have merely whetted his appetite for more bullying, and all we get is more slapping. Soekarno's gangsters have time and again committed aggression in Sabah and Sarawak; they have invaded our territory and killed our people. Murder and arson have been committed. Now, not being satisfied with using his so-called "guerillas" and "volunteers" and terrorising the innocent people along the border of Sabah and Sarawak, Soekarno has embarked on unmistakable aggression, daylight aggression, by landing troops at Pontian and dropping his paratroopers at Labis and what is more Soekarno's Defence Minister has taken pride in announcing that his forces had committed aggression against Malaysia.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Batu has used the word "dispute" in referring to Indonesia's action against us. I take exception to the use of this word because, in fact, there is no dispute; there is only aggression on the part of Indonesia against Malaysia. The peoples of Malaya, Singapore, Sarawak and Sabah had decided that they wanted to be united as a nation in Malaysia. After long and careful deliberations, they had managed to agree on the basis on which Malaysia was to be established, and Malaysia was established. Why should anyone dispute the right of the people of Malaysia to be united in Malaysia? The words "Dispute", "guerillas" and "volunteers" lend respectability to Soekarno's aggression. These "guerillas" and "volunteers" are, in fact Soekarno's soldiers. Some of them may have originated from the States of Malaysia—I know there are none from Sabah—but they are in the pay of Soekarno and they have been trained to help Soekarno to crush Malaysia. This makes them traitors to Malaysia, and they have no right, therefore, to be known as Malaysians. They are traitors and should be treated like traitors and called traitors and not "guerillas" or "volunteers".

All the repeated acts of aggression by Soekarno have naturally made it

increasingly necessary that we take all possible steps to defend ourselves, and the Declaration of a state of Emergency throughout Malaysia, is, therefore most timely. I hope that this Declaration of a state of Emergency will bring home to every Malaysian the fact that the time has come when everyone, of all parties, should rally round the Government of Malaysia and to stand firmly behind the Prime Minister in the face of the danger which confronts our nation, to be solidly united and to be prepared to give everything we have in thwarting the evil designs of Soekarno and his stooges.

I would also like to suggest, most humbly, that we should declare a moratorium in politics, especially on racial politics, which can only lend strength to our enemy. Let us stop jockeying for position with an eye to the next elections knowing that unless we stick together and defeat the enemy, there may not be any next elections.

Mr Speaker, one question, I know, to be paramount in the minds of many in Malaysia is this: how long are we going to sit back and allow the enemy to hit us as and when and where he pleases? I know that the patience of the people of Malaysia is at an end and they are now waiting to see that we give back to the enemy the sort of medicine that they have been giving to us in the past. There are many also who consider it a great privilege to be asked to undertake the work of retaliating against the enemy. I hope it may not be too long before they are given the chance to do so. Force must be met by force. We must hit back. Dictators know only one language, and that is the language of force; and this is the language which we must use in our future dealings with the dictator in Jakarta.

The Honourable Member for Batu, again, this morning took great pains to impress on us that we are weak militarily—that I do not agree. I do not think that we are all that weak, and we must not forget that we have right on our side. We also have friends who are committed to our defence, and I see no reason for us to be in any way ashamed to invoke the help of the

Agreement made for our defence, especially in this our fight against Soekarno's aggression.

Of course, we must go on fighting in the diplomatic field, in the United Nations, but even the worst pacifist among us must by now realise that in the final analysis, if Soekarno persists in his aggression—and all signs indicate that he intends to go on with his dream of "Indonesia Raya"—there can only be one answer to Soekarno's use of force, and that is counter-force. Wishful thinking on our part will get us nowhere. Soekarno's intentions are as clear as daylight and we must plan accordingly. Putting our heads in the sand, ostrich-fashion, will only allow our enemy to have the advantage which he craves. What I mean to say is that we should not think or pretend to believe that the worst that is likely to happen to us is to have this state of emergency imposed on us. We must, in all fairness to ourselves, be prepared for the worst—for war. I am no warmonger.

I have gone through one war, one terrible war, and have always prayed that the good God would spare us any more wars, but for our nation, for our Malaysia, we must be prepared to sacrifice everything. We will never allow our newly gained independence and freedom to be taken away. A long time ago an American patriot said, "Give me liberty, or give me death." This I am sure is how every true Malaysian feels today about our nation.

The Proclamation of Emergency throughout Malaysia should therefore be most welcome to all of us, because this is a clear indication that our Government intends to take every step necessary for the defence of our country. I would like, Mr Speaker, Sir, to take this opportunity to support the motion before this Honourable House and also to say that the people of Sabah are solidly behind our Prime Minister and the Federal Government in all the steps which the Government has taken and are taking in the defence of our nation. I know that Sabah is prepared to make every and any sacrifice for the nation and will follow faithfully our Bapa Malaysia, who with right on his side, with God's help and

blessing, will yet lead us out of the Emergency, crush our enemies and bring us all into the harbour of peace, prosperity and happiness (*Applause*).

**Mr Speaker:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya perchaya ramai daripada Ahli<sup>2</sup> yang hendak berchakap dalam masa-alah ini. Saya minta dan saya merayu-lah kepada Ahli<sup>2</sup> yang akan dapat berchakap itu, chuba-lah berchakap dengan sa-bberapa ringkas supaya dapat Ahli<sup>2</sup> yang lain berchakap untuk mengambil bahagian dalam perkara ini; dan lebih kurang pukul enam, saya akan memberi peluang kepada Menteri<sup>2</sup> untuk menjawab satu persatu apa yang telah di-datangkan oleh pihak Ahli<sup>2</sup> tadi.

**Dr Lim Chong Eu (Tanjong):** Mr Speaker, Sir, I rise to associate myself in support of the motion moved by the Honourable Prime Minister this morning, and in so doing right from the very beginning of this important and grave debate, I would like to take the opportunity to state that the party to which I belong, the United Democratic Party, also reaffirms our full support for the Government's proposal of the Proclamation of a state of Emergency in this country. I sincerely hope that this point is clearly understood by all my Honourable friends in this House so that they will not misconstrue the real purpose of what I shall have to continue to say in my speech in trying to represent what we consider a loyal and democratic Opposition must effectively do under these circumstances. Until such time as suggested by the last Honourable speaker, when a moratorium is proposed, I am afraid that there are certain things that have to be done and said and they should be taken in the spirit of the security of the nation and not just as backbiting in this House.

Publicly, Sir, our party has already declared our support of the Government's emergency measures. We have also stated that we consider that these measures were inevitable, and furthermore we have stated that in these times of danger the Government should further consider not only taking these steps but also that they should take more positive measures to develop the

security, the wellbeing and the unity of our nation. It was succinctly pointed out by the Deputy Prime Minister of Singapore earlier on this morning that the Proclamation of Emergency, and under it the Bill which we shall in due course pass, will confer great powers on the Government and he has already pointed out in his own way that the exercise of such overwhelming powers require great restraint and great control. We are not an irresponsible Opposition and whatever suggestions and criticisms we may make now in this debate are made with every intention to help the Government and to co-operate with the Government in every way we think correct, so as to preserve the integrity and the sovereignty of Malaysia, which today is being attacked by our neighbour Indonesia under Soekarno's regime. However, we would like to make it quite clear that our party, the United Democratic Party, is also firmly dedicated to the preservation of the democratic institutions of our country based upon the principles of equality and justice for the people of our country.

Without any doubt, we feel that nobody in this country, and certainly no one in this House, including the Honourable Prime Minister himself, would have willingly declared the present state of Emergency without the extenuating circumstances which prevail today. Since we all realise that the state of Emergency will undoubtedly to some extent curtail the forms of democracy that we would normally practise in our country as guaranteed by our Constitution, therefore, we consider that it is the proper function of a loyal Opposition that it should do everything that it can under the conditions of emergency in which we live in order not only to help preserve the defence of our nation but also at the same time we must always be vigilant that whatever steps that the Government will necessarily have to undertake in these emergency conditions will not unduly deprive our people of the rights and the liberties which are guaranteed to them by our Constitution and which they have been accustomed to accept as the ideal way of living. It is not our intention at a

time like this to review how the state of emergency has come about; unlike other members of Opposition groups whose loyalties are less tangible than ours, we will not harp back on the immediate past history of the formation of Malaysia and with a sense of smartness and righteousness try to remind the Government, "There, I told you so." After all, the United Democratic Party from the very day of its inception had advised the Government to go slow with the formation of Malaysia, because we had anticipated the very state of affairs which we face today and we had also queried the rosy pictures of greater peace, greater prosperity and greater happiness that Malaysia will bring to the people of this country which were at one time brightly painted by some of the leaders of the Alliance Party, particularly those from the Malayan Chinese Association when they went round the country trying to gain the support of the people for the Constitution of Malaysia.

When we use the word "inevitable" we are not trying to refer back to the past when we were openly critical of the naive promises of the M.C.A. leaders about what the plan of Malaysia really meant. When we used the word inevitable, we mean that this emergency measure must be promulgated now in view of the open aggression of our territory by Soekarno's troops. As a matter of fact, even when this session of the House first met, Indonesian troops were already attacking parts of Malaysian territory in the borders of Sarawak and Sabah, but our people were still new to this concept of a new Malaysian nation. Therefore, what had then taken place in Long Jawi, in Tebedu, in Tawau seemed very far away to us. Even the Government had not yet fully awakened itself to the grimness of the situation that has already overtaken us.

Let me recall that at the first meeting of this session of the House, when we were debating His Majesty's Gracious Speech, I stated then that whereas in the past we, in the United Democratic Party, had urged the Government to proceed more slowly with the plan for the formation of Malaysia, we now

urge the Government to act with a sense of greater urgency to bring the unity of Malaysia into reality, and we further urged that everyone of us must think of ourselves as Malaysians. Admittedly, at that meeting I made that statement arising out of reference to the educational policy of the Government, but the principles were meant to be general, for it is the truth that until all the people in this country think, live and act as Malaysians, then the unity and integrity of our new nation will only be words written on paper and not be fully effective.

this context the task of welding the diverse races into one people or one nation is rightly our aim. We have been able, despite the intrigues of colonial officials, who tried to keep us divided, to impart to a large number of even politically unsophisticated people an awareness and acceptance of the need for regarding and working together as one people whatever their racial origin. I mention this, Sir, not as a S.U.P.P. propaganda but because it was at that time when we were trying to build in Sarawak a nation out of our diverse races that the Malaysia Plan was mooted. At that time it was our firm conviction that before we join others, we should put our own house in Sarawak in order. There was nothing sinister in this desire or aim, and we think that much of the difficulties and troubles now experienced in the formative stages of this new nation might have been avoided, had what we advocated been followed or was possible.

Now that Malaysia has been formed and we now face a situation which might or might not have been foreseen by its architects or those others responsible, the need for the spirit of unity or *sa-hati*, as we like to call it, is even greater for its survival. If, instead of shouting "Hidup Malaysia" or "Merdeka", we are prepared to sink our differences and shout "*Sa-hati*", without having to join the S.U.P.P. or the U.D.P., our chances to *hidup* might be more certain.

In conclusion, Sir, I would sincerely suggest, as a matter of urgency, that the Ministers should be better informed of the peculiarities and sensitivities of the Borneo people. I say this because of recent statements made by Ministers. Far be it for me to champion the cause of the former expatriate colonial civil servants, but I am perturbed at the accusation which had been labelled on them by some Ministers that these officers, who were largely responsible in the first place for fostering the formation of Malaysia, now are consciously or otherwise separating the people of the Borneo States from the rest of Malaysia. This accusation had been denied

by others in the Government, but, nevertheless, the fact that such statements could be made, which causes a certain amount of confusion in Borneo, suggests very strongly the point which has been brought out by my friend, the Honourable Member for Tanjong, that at this time of national crisis, statements such as those, which tend to rouse feelings, which tend to divide the people, should not be made and should be more seriously considered before they are made.

**Enche' Chia Thye Poh (Singapore):** Mr Speaker, Sir, as it is an important issue, I beg you to give me sufficient time to deliver my speech.

**Mr Speaker:** Please speak a bit louder.

**Enche' Chia Thye Poh:** I beg you to give me sufficient time to deliver my speech, because it is nearly 6 o'clock.

**Mr Speaker:** I will give you 10 minutes.

**Enche' Chia Thye Poh:** Mr Speaker, Sir, if you take the wrong turning, you must lose your way. If you plant a poisonous plant, you must not be surprised if the fruits are poisonous. Sir, this is the logic of events. Similarly, those who have led this country into the neo-colonialist path must be held responsible when the country loses its way. Those who have planted the poisonous plant of Malaysia must be punished if its fruits poison our children.

We had warned of the consequences of this foolish Malaysia venture, but the Alliance Government arrogantly refused to listen. Now the price must be paid. Sir, everybody knows that Malaysia is dying. This artificial creation of the British cannot survive, because the people do not want it. Malaysia is finished (*Laughter*), and the people who created Malaysia will be finished with it (*Laughter*).

**Enche' C. V. Devan Nair:** On a point of information . . .

**Mr Speaker:** Do you give way?

**Enche' Chia Thye Poh:** No, no!

**Mr Speaker:** He does not give way.

**Enche' Chia Thye Poh:** Do not allow Malaysia to cause any more damage. The ruling party is afraid of its own political skin. That is why they insist on clinging to Malaysia, although it is really rotting. We must not allow them to drag our whole country down with them. Today when the situation in Malaysia is further deteriorating and when the people realise the evil of Malaysia, the ruling parties are trying to bluff and intimidate the people. We must point out to the ruling clique that the eyes of the people are wide open. They can no longer trick them as they have seen the truth. We have steadfastly repeated that as a political party loyal to the people it is our responsibility to tell this truth to our people.

Sir, in the last undemocratic general election in Singapore (*Laughter*) . . .

**Enche' C. V. Devan Nair:** Radio Jakarta!

**Enche' Chia Thye Poh:** Despite all the dirty methods employed by the P.A.P., we, an anti-Malaysia political party, had gained the support of 210,000 voters. If anti-Malaysia means anti-national, as branded by the Government, then how large is the number of the anti-national people! And moreover, the people who supported the P.A.P. out of fear or ignorance (*Laughter*) are coming to realise the evil of Malaysia. It obviously indicates that the method of threats and intimidation has not frightened the people from distinguishing the good from the evil. The number of people holding anti-Malaysia views are ever increasing.

Sir, today in the face of such a deteriorating situation only two ways are left for the Alliance. They can either proceed with their policy of military expansion and use armed forces to retain Malaysia, or turn over a new leaf at this critical juncture to accept the will of the people by returning the right of self-determination to the people of the Borneo territories, release all political detainees, pursue a non-aligned foreign policy, stamp out all colonial remnants and solve the Malaysia issue politically.

ONE HONOURABLE MEMBER: Hand over Malaysia to the Communists!

**Enche' Chia Thye Poh:** The former way means more hardships and sufferings to all the peoples of these territories and complete isolation internationally, but the latter is the way that promises a bright future for the country as well as to its people. Sir, today Malaysia has still not gained support from Afro-Asian countries and even the Government admits this. Malaysia has merely gained verbal promises from some pro-Western countries, and those who promise to render arms assistance to Malaysia are Western imperialist countries, namely, Britain, U.S.A., Australia, etc. If the Alliance continues to follow the imperialists down this blind alley, then it is craving for its doom and preparing to share the grave with Malaysia.

Mr Speaker, Sir, the first year of Malaysia has brought about too many catastrophes and sufferings to the people of Singapore.

**The Assistant Minister of National and Rural Development (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub):** On a point of order under Standing Order 35 (6). The Honourable Member is reading a speech written by his Big Brother! (Laughter).

**Mr Speaker:** Proceed!

**Enche' Chia Thye Poh:** There is severe and crippling loss of trade, loss of business, loss of jobs as well as loss of the means of livelihood for tens of thousands of workers. According to the figures issued by the British Board of Trade, which the Government of Singapore has been hiding from the people of Singapore, the trade of Singapore has been hard hit by the formation of Malaysia. The Board of Trade reported that Singapore's export trade was down by more than 10 per cent while imports decreased by almost 25 per cent compared with the first quarter of last year. Imports dropped from £102 millions to £77 millions and exports dropped from £71 millions to £45 millions for the January/March quarter in 1963 and 1964 respectively. In sharp contrast, in the rest of the

overseas sterling areas exports increased by nearly 14 per cent and total imports by about 11 per cent.

**Mr Speaker:** You have one more minute left.

**Enche' Chia Thye Poh:** I think one more minute is too short.

**Mr Speaker:** I will give you one more minute.

**Enche' Chia Thye Poh:** I think it is most unfair for me to complete my speech in one minute. I beg you to ...

**Mr Speaker:** No, I will give you one minute.

**Enche' Chia Thye Poh:** Sir, when the Prime Minister talks of defending our country, we find it hollow. This Government has betrayed all the vital interests of the people to the British. It has no right to talk of defending the nation. This Government is oppressing the people; more than 200 political leaders and trade unionists are in the jails of Singapore. Our Secretary-General, Mr Lim Chin Siong, is in Changi and political dwarfs like Mr Lee Kuan Yew can strut around and talk big only when giants like Mr Lim Chin Siong are kept out of the political arena (interruption).

**Mr Speaker:** Do not disturb him.

**Enche' Chia Thye Poh:** The Prime Minister has spoken about the communal riots in Singapore. He says that the Indonesians and the Communists caused it. We are from Singapore and we know that this is just to cover up the real culprits. The Prime Minister of Singapore is telling, in Europe, that the UMNO politicians have caused it. The UMNO in Singapore says that the P.A.P. has caused it. We who are in Singapore know that the communal riots were the work of the UMNO and the P.A.P. who were indulging in a bitter fight for power. All this nonsense about the Indonesians and the Communists causing these riots is just to hide the truth that the main culprits belong to the ruling parties.

SOME HONOURABLE MEMBERS:  
Nonsense! Lies!

**Enche' Chia Thye Poh:** We challenge the Government to have a public enquiry into this. When the riots started . . . .

**Mr Speaker:** Order, order! Your time is up—it is already one minute.

**Mr Speaker:** Saya beri peluang kepada sa-orang Ahli lagi dari pehak perempuan yang belum lagi berchakap.

**Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap):** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan atas usul yang di-kemukakan oleh Perdana Menteri. Saya hendak memberi sokongan dengan sa-penoh-nya, bersetuju menyokong Perishtiharan Dharurat, kerana dari segi pandangan dan pendapat saya, ia-lah sa-lagi ketenteraman negara ini tidak dapat di-kembalikan, maka kaum<sup>2</sup> perempuan-lah yang banyak kelak menderita dengan perbuatan<sup>2</sup> Kerajaan Indonesia dan kominis dalam masa dharurat ini. Akibat-nya berbangkit perpisahan antara suami-isteri dan anak dengan ibu-bapa kerana mereka pergi berjuang. Kita ra'ayat negeri ini telah pun menempoh atau menghadapi masa dharurat sa-lama 12 tahun dengan itu di-harap jangan-lah berlaku lagi hendak-nya.

Kami kaum perempuan sukakan kapada keamanan dan berkehendakkan kapada keamanan. Maka Perishtiharan Dharurat negeri ini ada-lah satu daripada chara untuk kita mematah dan menyekat dan supaya keamanan dapat di-kembalikan samula yang mana kita tahu pengkhianat<sup>2</sup> yang hendak membuat kachau-bilau dan huru-hara dan bagi hendak menjahanamkan keamanan negeri kita yang telah dapat kita adakan ini. Juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan yang ada saperti hari ini maka saya bermohon hendak-lah Kerajaan segera mengadakan undang<sup>2</sup> atau pun peratoran berkenaan dengan menjaga dan mengawal barang<sup>2</sup> makanan dan lain<sup>2</sup> yang perlu daripada naik harga supaya jangan memberi peluang kepada kaum perniagaan mengambil kesempatan menchari laba

yang melampau dalam masa keselamatan negara kita ini terancham.

Pengalaman yang berlaku di-Singapura dalam masa pergaduhan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kenaikan harga barang<sup>2</sup> makanan mungkin akan berulang lagi di-tempat lain bila di-adakan sekatan berkurong. Ini-lah kebimbangan kaum perempuan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat selalu berseru memohon panggilan tanah ayer untuk mereka berkhidmat menahan negara daripada anchaman musuh. Ra'ayat memohon senjata, dengan itu harap-lah Kerajaan beri peluang dan kesempatan kepada ra'ayat, pemuda dan pemudi untuk menunjokkan ta'at setia kepada negara-nya. Saya pernah menyatakan bahawa bagi kami kaum perempuan sedia dan sanggup berganding bahu dengan kaum laki<sup>2</sup> walau memikul senjata demi untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara kita. Beri-lah kami sakalian berkhidmat sa-kurang<sup>2</sup>-nya dalam lapangan kechemeasan, jururawat dan lain<sup>2</sup> perkara yang layak bagi kami kaum perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang ada pada masa ini tidak guna kita berchakap banyak mengkeritik Kerajaan. Apa yang di-kehendaki ia-lah pengorbanan dan ta'at setia kepada negara. Semua ra'ayat mesti berdiri di-belakang Kerajaan sa-masa keselamatan negara di-ancham. Semua kaum mesti mengeneipikan perasaan perkauman dan sentimen kerana musuh kita yang telah mengambil kesempatan ini dengan mengadakan keadaan huru-hara. Bila ini berlaku maka sudah tentu keselamatan negara tidak dapat di-tenteramkan lagi. Maka senang-lah musuh<sup>2</sup> dari luar dan kominis dari dalam menumbangkan Kerajaan yang di-pilih ra'ayat dan kemudian mereka memerintah kita.

Hari ini semua dunia memandang dan mendengar perbahathan kita, kerana tenggelam atau timbul-nya Malaysia berma'ana tenggelam dan timbul-nya chara pemerentahan demokrasi yang tulin di-Tenggara Asia.

Saya tidak percaya negeri yang berchorak demokrasi yang bersahabat dengan kita itu akan membiarkan perkara ini berlaku. Sa-sungguh yang demikian ini tidak bermā'ana yang kita sakalian ra'ayat negeri ini akan melepaskan tanggungan pertahanan negara kita ini sa-mata<sup>2</sup> kapada sa-habat kita. Pengorbanan dari ra'ayat sendiri ada-lah lebeh besar erti-nya dan sangat<sup>2</sup> di-kehendaki supaya sekalian dunia tahu yang ra'ayat negeri ini bukan-lah satu ra'ayat yang bachul dan tidak kasehkan tanah ayer-nya sendiri. Pengorbanan kewangan dan harta-benda ada-lah sangat di-kehendaki juga untuk perbelanjaan pertahanan negara ini, Tuan Yang di-Pertua. Dari itu Kerajaan mesti juga mengambil tindakan undang<sup>2</sup> untuk mendapat lagi banyak hasil daripada sa-bahagian kekayaan negeri ini yang maseh lagi ada di-tangan orang perniagaan dan hartawan. Jika ra'ayat yang miskin di-kampong<sup>2</sup> sedia berkorban tenaga dan jiwa untuk keselamatan negara sudah sawajar-nya-lah di-saimbangkan yang kaum yang senang yang berharta-benda dan kaya menyumbangkan dan mengorbankan sedikit sa-bahagian daripada wang-nya itu untuk keselamatan negara ini.

**Dato' V. T. Sambanthan:** Mr Speaker, Sir, this morning the Honourable Member for Batu held our attention for the better part of an hour, and yet at the end of it all—when we had heard his whole speech—he refused to face facts, he refused to face the truth. And throughout that speech, if we had noted carefully, we would have found that his main blame was on our foreign policy. Over and over again, he has said that we have got to live together with Asian countries, we have got to survive with goodwill and tolerance, and we have got to go any number of times to get this peace—but he has forgotten the number of times that our Prime Minister went almost cap in hand, almost with a begging bowl in hand to get this peace which we all wanted. Has he not forgotten the number of times we had been to Bangkok, to Tokyo, to Manila and to Phnompenh? Is his memory so short that

he did not realise that we had made very serious and systematic efforts to bring peace to our country? He has only to look back into our Estimates for the past nine years to realise that we were gearing our country to peace, to building up more schools, more hospitals, and such like, so that we could give our people what they needed. We thought the freedom given to us imposed upon us a duty to improve our economy to meet our own wants. We thought that freedom was not an opportunity for us to wage war. All these facts, surely, the Honourable Member should have known, and yet he does not choose to know them. He was saying that Asian countries should not fight Asian countries. True, but who wants to fight—we or they? Who has been the aggressor?

**Dr Tan Chee Khoon:** On a point of clarification, Mr Speaker, Sir, I did not say that we want to fight, neither did I say we have not pursued the path of peace. I merely stated that we should continue to pursue the path of peace. Perhaps, the Honourable Minister of Works did not hear me correctly.

**Dato' V. T. Sambanthan:** Indeed "Yes", Mr Speaker, Sir, to pursue the onerous path of peace. How do you go ahead from here? Who has been guilty of all this aggression? Who has been doing all these acts of aggression? Surely, not us! Surely, we have enough reasons to recognise that we have walked the last mile? Surely, he does not want us to fall absolutely flat and say, "Look, this country is yours now. You can do what you want. We will not utter one word against what you say, nor act in retaliation to what you have done." If this is his concept of nationality, or of national freedom, or national dignity, surely we in this House have a different concept.

I think the Honourable Member for Batu is very wrong in all that he has said. Throughout that speech of his, how much did we hear about condemnation of this aggression? I was surprised that not one word was said by him condemning this Indonesian aggression. Surely, an Honourable Member of this House should have that

amount of patriotism for this country to condemn this act of aggression! (*Applause*). Why is he drawing a red herring across the whole country in this House? What is he trying to prove? Is he trying to prove that if the Socialist Front had been masters of this country, then everything would have been all right? How? That is the question. Yet if you go through this line of argumentation, you will find one or two very simple facts—that is, you have got to be non-aligned, you have got to be neutralists. If you are neutralists—well, we are neutralists—and suppose somebody comes and causes aggression, how do you get out of it? This is a question which I would like to ask the Honourable Member for Batu. I am sure he has no reason, no answer, for it.

Some other Honourable Members of the same type of thinking say that if any country has been with us, it is pro-Western; if any country is against us, then it is all right; if any country gets aid from Red China or Russia, it is neutralist; if it gets assistance from the West, it is imperialist. We now know whose line they are toeing. I only wish for the goodness of this country that people like the Member for Batu should look into history. He mentioned, I think, about our being at a very important juncture in history. If he did that, he would realise that the many times the Prime Minister went to these meetings he went almost like a Chamberlain; he was almost on the throes of selling this country through his peaceful methods; he was almost at the episode of Munich. We were indeed! And unless we fight back, history will be repeated here. Dictatorship knows no limit, and it has never known limits. A dictatorship, a ruthless one, devoid of any democracy, as that which exists in Indonesia, has an insatiable appetite such as Hitler's fascism had. These are fundamental concepts. My friend's knowledge of geography may be good, but he ought to improve on his knowledge of history. (*Laughter*). If he did that, I am sure that the Honourable Member for Batu, and people of his thinking—be they Barisan Sosialis or others—would mend their ways, would

realise that today, at this very important juncture in our history, there is only one way, and that way is to fight back. We have tried every little bit, and we have gone the whole distance. We have tried to appease this man Soekarno. We have tried our best. But, as happened after Munich, it has happened here. The ways of dictatorship are always the same. You may call our policy wishy-washy, our foreign policy wishy-washy; you may call it anything you like; but the fact of the matter is that we have not wanted it. Our economy has not wanted it. We have been geared for peaceful production. We have been geared for improving this country by peaceful methods—that fact is undeniable. Whatever anybody may say, that fact is undeniable. It is borne, every little bit of it, by our estimates for the past nine years. Maybe we were wrong. Maybe we should have thought that freedom meant also the right to arm ourselves and to be prepared to fight back anybody. Maybe, if we had done it, we would have been in a better position. But we know, if we had done it, Members like the Member for Batu would have said: "Look, you have become an aggressor nation. Why do you want so many planes, why do you want so many fighters, why do you want this, and why do you want that?" And so, throughout these years, this has been our policy. I only appeal to the Honourable Member—it is an appeal—that even at this late stage, let him do some serious thinking. Let him think seriously within himself. Let him ask his own Party comrades to think again, again, and again, and then come back to the fact that we as patriots have only one way ahead of us—and that is to defend our nation truly and faithfully, and not to draw a lot of red herrings across the road and to say that this is wrong and that is wrong. The right thing to do is to fight back, and for that, Mr Speaker, Sir, I hope Honourable Members who still now express dissatisfaction, or come to this House with certain clichés that they wanted to throw around, would now re-think and mend their ways. Thank you.

**The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya saya tidak hendak berchakap tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Batu telah berchakap panjang pagi tadi terutama sa-kali atas ucapan saya waktu saya berada di-Pontian, saya suka menerangkan waktu saya melawat ka-Pontian pada 19 hari-bulan Julai, saya telah pergi sa-bagai Wakil Ra'ayat Pontian Utara yang mana kawasan saya telah di-langgar oleh askar<sup>2</sup> Indonesia yang kita ketahui telah pun sa-tengah<sup>2</sup>-nya di-tangkap dan di-tawan dan sa-tengah-nya askar<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> Indonesia itu telah di-tembak. Yang Berhormat wakil Batu ini sa-bagai ketua Socialist Front Malaya yang besar sa-kali, mari-lah sama<sup>2</sup> saya pergi ka-Pontian sana dan tengok betul<sup>2</sup> pemuda<sup>2</sup> China yang di-Pontian itu tidak kurang dari tiga empat puluh orang yang telah menyeberang dua tiga bulan dahulu sa-belum-nya naik askar<sup>2</sup> Indonesia itu, maka antara-nya yang kena tangkap itu beberapa orang juga yang datang dari Pontian, siapa dia tidak payah saya chakapkan di-sini, pergi-lah bertanya sendiri siapa dia. Tetapi yang membawa saya chukup susah hati ia-lah rombongan askar<sup>2</sup> Indonesia yang naik dari Sanglang yang mana dapat pimpinan daripada yang kita tahu dahulu-nya daripada ketua<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> itu Socialist Front; tetapi kalau mereka itu sudah berhenti menjadi Ahli<sup>2</sup> S.P. itu lain kesah. Dan orang<sup>2</sup> di-situ tahu, nampak dan kita sedang mengejar askar<sup>2</sup> Indonesia itu sampai hari ini belum lagi dapat. Patut wakil Batu kalau betul<sup>2</sup> menyokong usul pada hari ini walau pun ia kata "Necessity of evil; we have to support this motion it does not matter; it is a matter of life and death now (Tepok)".

Mari-lah tolong bersama saya menangkap dua tiga puluh orang itu kalau pun di-katakan mereka itu sekarang bukan ahli<sup>2</sup> Socialist Front tidak apa, mari kita pegang askar<sup>2</sup> Indonesia itu hidup<sup>2</sup>. Jangan berchakap sahaja di-dalam Rumah yang bahagia ini berdegat<sup>2</sup> macham itu dan macham ini. Waktu kita berchakap

sudah habis, patut Yang Berhormat<sup>2</sup> terutama sa-kali ketua<sup>2</sup> sakalian parti<sup>2</sup> hari ini menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh kapada anak buah saya yang di-Pontian itu sudah menyelamatkan dan telah menangkap hidup<sup>2</sup> dengan tidak bersenjata, menangkap askar<sup>2</sup> Indonesia yang bersenjata ini bukan satu perkara yang main<sup>2</sup>. Saya tidak dengar sa-patah wakil Batu itu memberi timbang rasa dan terima kaseh kapada mereka itu bahkan hentam balek lagi, ini tentu-lah tidak patut.

**Dr Tan Chee Koon:** Mr Speaker, Sir, on a point of clarification.

**Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tidak ada waktu, saya hendak berchakap sedikit sahaja. Yang kedua-nya, saya merayu-lah kapada sakalian ketua<sup>2</sup> parti<sup>2</sup>, parti Socialist Front—wakil Batu, sila-lah bersama<sup>2</sup> saya kita boleh pergi ka-Pontian. Kedua-nya, PAS siapa wakil-nya, sila-lah bersama<sup>2</sup> saya pergi ka-Pontian kerana ada juga di-sana parti PAS dan parti Socialist Front. Mari kita pergi bersama<sup>2</sup>, berjumpa anak buah kita di-sana dan bekerjasama dengan kerajaan supaya menghapuskan saki baki askar<sup>2</sup> Indonesia yang ada lagi di-Pontian itu kerana hendak mengamankan negara kita. Kalau betul<sup>2</sup> chakap<sup>2</sup> mereka itu ikhlas dan betul<sup>2</sup> hendak bekerjasama dengan pehak Kerajaan, dengan pehak Polis, Tentera dan dengan pehak orang ramai tetapi jangan-lah sedikit<sup>2</sup> dengar che-rita sudah marah, perkara yang sah di-sembungikan.

Yang kedua-nya, bagi pehak penduduk<sup>2</sup> Pontian yang mana saya wakil-nya yang mereka telah buat kerja<sup>2</sup> yang di-wajibkan kapada mereka untuk negara, sa-bagai sa-orang yang ta'at setia kapada negara menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh kapada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman yang telah membagikan perkataan<sup>2</sup> yang manis, yang indah, mudahan<sup>2</sup> ini akan membagi lebeh semangat lagi bukan sahaja kapada penduduk<sup>2</sup> di-Pontian sahaja tetapi di-seluruh Malaysia. Tadi saya dengar juga pehak PAS, tidak ada senjata, bagaimana

kita hendak berjuang? Kami pun tidak ada senjata di-Pontian, telah berjuang, alhamdullillah dengan izin Tuhan selamat kami, hidup kami dan dapat menangkap askar<sup>2</sup> Indonesia itu hidup<sup>2</sup>, terima kaseh.

**The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab pandangan<sup>2</sup> yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada pehak terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh beruchap dengan panjang lebar dan sungguh pun dia ada memberi akuan yang parti-nya, diri-nya dan Kerajaan Kelantan yang di-ketua<sup>2</sup>nya akan memberi sokongan kepada pehak Kerajaan dalam mengambil langkah<sup>2</sup> untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara kita ini, akan tetapi saya dukachita dan pehak Kerajaan dukachita dalam ucapan-nya yang panjang lebar itu tidak sadikit pun dia mengecham perbuatan Indonesia—pencherobohan yang di-datangkan oleh Indonesia terhadap kita di-Malaysia ini. Sa-balek-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita dengar penyokongan parti PAS di-Kelantan pada masa mendengar pendaratan dari pehak tentera Indonesia di-Pontian dan juga di-Labis, mereka itu telah bersorak suka yang tentera Indonesia itu datang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita menghadap keadaan yang sangat kechemasan ini—kita menghadapi anchaman pencheroboh daripada musuh, dengan sebab itu pehak Kerajaan mustahak mendapat kerjasama sokongan yang sa-penoh<sup>2</sup>-nya daripada warga negara yang ta'at setia kepada negeri kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada-lah mengetua<sup>2</sup> satu Kerajaan—satu negeri di-Malaysia ini, jadi mustahak-lah kita mendapat keterangan atau akuan yang tegas daripada-nya bukan sahaja menyokong langkah<sup>2</sup> yang di-ambil oleh Kerajaan untuk menghadapi dan menentang musuh yang ada di-hadapan kita pada hari ini bahkan menchela perbuatan khianat, perbuatan yang salah daripada segi Undang<sup>2</sup> dunia yang di-jalankan oleh Soekarno dan rakan<sup>2</sup>-nya terhadap negara kita ini.

Sa-balek-nya, Tuan Yang di-Pertua, ucapan wakil dari Pasir Puteh itu nampak-nya tidak berlainan dengan ucapan yang di-perbuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu. Kedua<sup>2</sup>-nya itu nampak menyalahkan kepada pehak Kerajaan di-dalam beberapa perkara, menyalahkan dasar luar negeri kita, menyalahkan dasar pertahanan negara kita, menyalahkan Perjanjian Pertahanan yang kita buat dengan pehak Kerajaan British.

Saya suka menyebutkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, jika tidak ada tentera British, Australia dan New Zealand menjaga pertahanan negara kita ini, harus sudah lama negara kita ini ditaa'lok oleh President Sukarno. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun kita ada-lah negara yang kecil dan sa-benar-nya kita tidak mempunyai tentera yang besar yang boleh menghadapi musuh yang besar seperti Indonesia itu, akan tetapi tentera kita ada mempunyai latehan yang sempurna, tentera kita mempunyai senjata yang modern, sama juga, kalau tidak lebih, agak-nya daripada yang di-punya<sup>2</sup> oleh tentera<sup>2</sup> Indonesia. Dengan sebab itu dalam pertemporan di-antara tentera kita dengan tentera Indonesia sentiasa tentera kita dapat, sama ada menawan mereka itu, atau membinasakan mereka itu, sentiasa kita dapat kemenangan bila berlawan dengan tentera mereka itu. (*Tepok*).

Jadi, saya suka mengambil peluang ini menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kepada tentera<sup>2</sup> kita. Saya sa-bagai Menteri Pertahanan berasa bangga di-atas chara-nya tentera<sup>2</sup> kita menjalankan tugas masing<sup>2</sup> mempertahankan tanah ayer, baik di-Sabah dan di-Sarawak atau pun di-Pontian dan Labis. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, kita mempunyai tentera<sup>2</sup> yang tidak bagitu besar, jadi mustahak kita dapat bantuan dan pertolongan daripada negeri<sup>2</sup> lain, negeri<sup>2</sup> yang suka hendak menolong kita. Kita bukan-lah menghadkan kepada negeri British, Australia atau Canada, bahkan mana<sup>2</sup> negeri pun kalau hendak memberi pertolongan kepada kita, kita terima. Jadi bukan-lah kita menghadkan seperti kata Yang Berhormat tadi kepada negeri<sup>2</sup> yang

berkulit putih sahaja. Kita terima bantuan daripada mana sa-kali pun, sebab kita berkehendakkan bantuan yang saya kata sa-belum Indonesia menjalankan dasar konfrontasi terhadap kita, kita tidak minta pertolongan daripada tentera British, bahkan tidak ada tentera British di-Sabah dan Sarawak, oleh sebab ada konfrontasi daripada Indonesia, sebab Indonesia mencheroboh negara kita, maka terpaksa kita menggunakan Perjanjian Pertahanan kita dengan British dan terpaksa kita minta pertolongan daripada pihak British.

Tadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu ada juga berkata pendaratan di-Pontian dan juga di-Labis, barangkali di-sebabkan kechuaian dari pihak tentera kita atau pun pihak Kerajaan sendiri. Saya suka menerangkan bahawa kita mempunyai sempadan yang luas dan dalam chara pertahanan zaman modern ini, tentu-lah sukar kita hendak menjaga seluruh kawasan udara di-negara kita ini. Kita ada-lah berdekatan dengan Indonesia. Malaya dengan Sumatra cuma 15 batu, atau 20 batu, dengan kapal terbang, dari Sumatra boleh datang ka-mari 15 minit atau 20 minit, atau ½ jam sahaja, boleh sampai tentu-lah tidak susah bagi Indonesia hendak menyerang kita, atau hendak mendarat dengan chara kapal terbang. Kita juga kalau hendak menyerang Indonesia tidak susah bila² masa kita boleh serang (*Tepok*) kerana 15 batu dan 20 batu dari negara kita.

Tetapi kita tidak bertujuan atau tidak berniat yang tidak baik. Kita bukan berniat hendak mena'alok mana² negeri, kita tidak berniat hendak bermusuh dengan siapa². Kita berniat dan berkehendakkan kedudukan negara kita aman dan tenteram, dan mempertahankan negara kita. Dengan sebab itu kita ada-lah hendak mempertahankan tanah ayer kita, jika di-serang oleh pihak musuh, dan pagi ini pendaratan di-Pontian dan Labis itu bukan-lah di-sebabkan oleh kechuaian daripada mana² pihak. Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih mengatakan, kenapa kita tidak membawa perkara itu kepada Majlis Keselamatan Bangsa² Bersatu sa-belum

daripada itu. Jadi saya suka terangkan sa-belum daripada itu rakan² kita dari Thai dan President Macapagal suka hendak mengadakan penyelesaian dengan chara berunding dengan pihak Indonesia. Kita dengar is berkata yang mereka itu sedia hendak berselesai dengan chara berunding. Jadi kita chuba hendak tengok sama ada pihak Indonesia jujur atau ikhlas dengan berchakap yang sa-macam itu. Dengan sebab itu kita jalankan perundingan di-Manila, di-Tokyo, dua kali di-Tokyo dan di-Bangkok.

Jadi sa-lepas daripada Persidangan Kemunchak baharu ini, nyata-lah pada kita, President Sukarno tidak berkehendakkan keamanan, dan tidak berkehendakkan supaya di-selesaikan begitu. Jadi, kemudian daripada itu sudah ada pendaratan di-Pontian dan Labis, jadi nyata-lah bahawa Indonesia berazam hendak menghanchorkan negeri kita. Dengan sebab itu-lah kita sedang mengambil langkah membawa perkara itu kepada Majlis Bangsa² Bersatu. Jadi, sa-hingga pendaratan di-Pontian dan Labis, Indonesia telah menghantar tentera² dan gurila² di-Sabah dan di-Sarawak, tetapi di-Pontian dan Labis Indonesia telah menyerang satu negeri ia-itu Malaysia dahulu, ia-itu satu negeri yang Indonesia telah akui sa-bagai negara yang merdeka dan berdaulat. Jadi terang kepada dunia bahawa perbuatan itu ada-lah perbuatan yang melanggar Undang² dunia dan melanggar Piagam Bangsa² Bersatu. Jadi itu-lah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengambil langkah membawa perkara itu kepada Bangsa² Bersatu.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengatakan patut-lah kita chari jalan lain membawa kepada Majlis Keselamatan Bangsa² Bersatu untuk menyelesaikan perkara itu dan menchadangkan membawa perkara itu kepada negara Afro-Asia. Kita, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sedia hendak mengambil apa juga langkah yang patut untuk hendak menyelesaikan perkara ini, tetapi perkara yang penting sa-kali pada hari ini ia-lah ada-nya pencherobohan yang di-datangkan terhadap negara kita oleh Indonesia. Kalau pencherobohan ini

boleh di-tarek balek, perkara ini boleh selesai. Perundingan boleh di-jalankan. Apa juga ikhtiar boleh di-buat untuk hendak mengembalikan balek perhubungan baik antara kita dengan Indonesia, tetapi perkara yang menghalang penyelesaian di-atas hal ini ia-lah pencherobohan yang di-perbuat oleh Indonesia terhadap kita dengan tidak ada apa sebab sedikit pun. Jadi, ini-lah perkara yang penting sa-belum boleh di-adakan apa juga commission—Reconciliation Commission-kah, Afro-Asian Commission-kah, atau apa juga sa-kali pun, mustahak-lah pencherobohan ini di-berhentikan. Kalau maseh pencherobohan ada, bagaimana-kah perkara ini hendak di-rundingkan? Bagaimana-kah pehak kita dapat menyelesaikan perkara ini? Jadi, itu-lah chara kedudukan kita pada hari ini.

Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, di-atas hal keselamatan dalam negeri, saya telah sebutkan ia-itu kita sedang mengambil langkah hendak membesarkan tentera<sup>2</sup> kita—tentera laut, tentera darat, tentera udara dan kita suka hendak mendapatkan pertolongan daripada semua negara yang suka hendak memberikan pertolongan, bukan sahaja pertolongan alat senjata bahkan pertolongan wang juga; pertolongan tentera bagi sementara ini, pertolongan kapal dan pertolongan kapal terbang.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi ada berkata, mengapa kita tidak meminta pertolongan senjata, sebab kita ada banyak pemuda<sup>2</sup> dan pemudi<sup>2</sup> yang juga boleh memegang senjata untuk mempertahankan negara kita ini—itu saya faham. Kita ada banyak pemuda pemudi yang redza hendak mempertahankan negara kita ini, tetapi yang penting-nya ia-lah, kalau kita hendak membesarkan tentera negara kita dengan sa-berapa segera, neschaya kita terpaksa membelanjakan wang dengan banyak, dan kalau ta' dapat bantuan wang dari luar, terpaksa-lah kita mengurangkan, atau pun memberhentikan ranchangan<sup>2</sup> kemajuan yang kita sedang jalankan. Dan jikalau kita hendak membesarkan tentera kita lebeh lagi yang di-chadangkan oleh Kerajaan pada hari ini, terpaksa-lah kita meminjam wang daripada mana<sup>2</sup>

pehak. Kita tidak berada wang bagi hendak membesarkan tentera<sup>2</sup> kita dan melateh tentera<sup>2</sup> kita saperti mana yang kita kehendaki. Jadi, dengan sebab itu-lah bagi sementara ini, terpaksa kita bergantung kepada pertolongan daripada rakan<sup>2</sup> kita dari luar, atau pun dari negeri<sup>2</sup> Commonwealth yang suka hendak memberikan pertolongan kepada kita.

Saya telah sebutkan kerap kali dalam Dewan ini bahawa sa-belum confrontasi, dasar kita dalam lapangan pertahanan ia-lah hendak mempunyai tentera yang chukup untuk menjaga keselamatan dalam negeri, menjaga perayeran laut yang berdekatan dengan pantai<sup>2</sup> kita, menjaga keamanan di-kawasan<sup>2</sup> kita dan kita tidak mempunyai tentera untuk hendak berperang, hendak berlawan dengan mana<sup>2</sup> pehak. Jadi, dengan sebab itu-lah kita dapat menumpukan wang ringgit dan tenaga kita untuk kemajuan negara; dapat menjalankan ranchangan pembangunan dengan besar<sup>2</sup>an, dapat menambah dan mengadakan kemajuan<sup>2</sup> dalam lapangan pelajaran, kesihatan dan sa-bagai-nya. Kalau kita mengadakan tentera<sup>2</sup> yang besar pada masa dahulu sa-lepas kita menchapai kemerdekaan, tentu-lah kita tidak dapat menjalankan ranchangan<sup>2</sup> yang kita telah jalankan yang kita tahu ra'ayat negeri ini kehendaki. Jadi, dengan sebab kita terpaksa menghadapi confrontasi dari pencherobohan Indonesia pada hari ini, maka terpaksa-lah kita membesar dan meluaskan tentera kita dan ini tentu-lah mengambil masa sedikit, dengan sebab itu-lah pada masa ini terpaksa kita mendapatkan bantuan dan pertolongan daripada rakan<sup>2</sup> kita.

Berkenaan dengan Pasokan<sup>2</sup> Kawalan yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu, saya telah ishtiharkan ia-itu kita akan membesarkan Pasokan<sup>2</sup> Kawalan ini dan saya harap Kerajaan<sup>2</sup> Negeri akan dapat menubuhkan Pasokan<sup>2</sup> Kawalan ini di-serata tempat, tetapi mustahak-lah kita mendaftarkan nama bagi orang yang hendak menjadi ahli Pasokan<sup>2</sup> Kawalan ini sa-belum kita dapat memberikan senjata kepada mereka. Jadi, ini akan di-jalankan

dengan sa-berapa segera, sebab kita tentu-lah tidak dapat hendak memberikan senjata kepada sa-siapa juga yang berhendakkan senjata, mereka ini kena-lah kita kawal, sebab kita tahu ada musuh dalam negeri kita, ada orang daripada warga negara kita ini yang menolong Indonesia yang menjalankan pekerjaan<sup>2</sup> subversive, yang menjalankan kehendak<sup>2</sup> musuh itu. Dengan sebab itu-lah kita terpaksa mengator perkara ini dengan sempurna-nya mengikut chara Home Guard yang kita buat pada masa dharurat dahulu, dan dalam hal ini, Kerajaan tidak-lah hendak mengutamakan ahli<sup>2</sup> daripada mana<sup>2</sup> parti; asalkan mereka itu ta'at setia kepada negeri kita ini. Jadi, dalam hal pertahanan ini, kita berkehendakkan semua ra'ayat negeri ini untuk memberi kerjasama dan menun-jukkan ta'at setia mereka itu kepada negara kita ini.

Mr Speaker, Sir, I only wish to reply very briefly to some of the comments made by the Honourable Members from the Opposition Benches, in particular the Honourable Member from Batu. My Honourable friend, the Minister of Works, Posts and Telecommunications has replied to certain of the points he raised, but I would like to say that I am too greatly surprised with the fact that in his long, very well prepared speech, in which he blamed this Government for a number of things—blamed this Government for the present state of Emergency, blamed our foreign policy, blamed our defence policy, blamed our Defence Treaty with the United Kingdom—he did not say a word against Indonesia. He knows, I think everybody in this country knows . . . . .

**Dr Tan Chee Khoon:** May I clarify one point. I think the Government wishes deliberately to misunderstand me. I have repeatedly stated in this House that we condemn Indonesian aggression against this country (*Applause*), that we will support the Government in its measures and—when the Minister of Transport would not allow me to speak—I paid a tribute to the good work done by the Army and the Police.

**Tun Haji Abdul Razak:** Well, Sir, that is very assuring, because I have got a written text of the Honourable Member's speech here, in which he did not mention a word about condemning Indonesian aggression. I am glad that he has had second thoughts over it (*Laughter*) and it is reassuring to us. I am very pleased, Sir, that as a result of hearing speeches from Government Benches the Honourable Member has greatly improved in his thought (*Laughter*).

Sir, the Honourable Member alleged that our defence forces are inadequate and that our troops are not armed with modern weapons. As I have explained, it is true that we have a small armed force, but our armed forces are well trained and are well equipped with the most modern weapons. The Honourable Member also alleged that we have a derelict Navy. Again, I wish to say that although we have a small Navy, although we only started after Independence—when we achieved independence we had no Navy; we started with a small Navy which we obtained from Singapore—but we have now improved that Navy. We have replaced the old ships with modern patrol crafts, with modern patrol boats, and although our Navy is still small, but they are well equipped with modern boats and modern weapons.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Batu also alleged that the recent landings in Pontian and Labis were perhaps due to the carelessness or negligence on the part of our Air Force, or the R.A.F. or the R.A.A.F. I have explained just now in Malay that under modern conditions it is difficult to have hundred per cent defence proof against air attacks. Sumatra is only about 15 to 20 miles from here and a plane can travel from any part of Sumatra to Malaya within 20 minutes, less than half-an-hour. So it is very easy for Indonesians to land in this country either by plane or by boat. In the same way, it is very easy for us to make landings in Sumatra or in Rhio by boat or by plane. Sir, under those conditions it is extremely difficult to have 100 per cent defence proof against the possibility of landings by

Indonesia. However, Sir, the moment we heard of the landings our forces went into action and I am pleased to say that we have been able now to eliminate most of those members of the enemy who have landed either in Pontian or in Labis.

The Honourable Member spoke at length about our foreign policy. I am sure the Honourable Prime Minister will reply to him adequately on this point. But I would like to say this, Sir: whatever our foreign policy has been, the policy that we have been following has been an independent foreign policy. He has alleged that we have never realised that we are Asians living in Asia. I must say that the first thing we did after we achieved independence was to have the Treaty of Friendship with Indonesia, our nearest neighbour. And what is the result of that, what is Soekarno's reply to our friendship? Confrontation. Again, we established the Association of South-East Asian States with Thailand and the Philippines, in order to have economic co-operation and friendly consultations. We have done all these to bring the countries together. We did attempt to have a consultative organisation with Indonesia and the Philippines at the meeting in Manila. That proposal ended in failure, because Indonesia had started its aggression against us. We have done everything possible to maintain close and friendly relations with our neighbours in Asia, because we know that we live in Asia and we have got to work with our neighbours. But if our neighbours choose to carry out acts of aggression against us, what can we do other than to defend ourselves and carry out whatever measures necessary to protect our country and our people.

Now, the Honourable Member and, I think, the Honourable Member for Menglembu, also spoke about the Emergency Regulations. As a result of the Proclamation of a State of Emergency under Article 150 of the Constitution, the Government is now being given wide powers. We do realise that the powers given to us, to the Government, by His Majesty under the

